

Misi Mencari Bahagia Dalam Kehidupan



Oleh: Nor Shakirah Sobahul Khairi

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 10 Ogos 2021

Siapa yang tidak mahu gembira? Semua orang inginkan kebahagiaan, tidak kira dalam bentuk harta atau hubungan. Bahagia itu sendiri subjektif maknanya.

Semua orang mempunyai pengertian yang berbeza tentang bahagia. Ada orang yang hidupnya serba kekurangan tetapi dapat dilihat keceriaan di wajahnya, kerana hatinya dipenuhi dengan rasa syukur.

Salah satu kunci untuk bahagia adalah mensyukuri apa yang kita perolehi daripada-Nya. Walaupun bersyukur merupakan ungkapan yang mudah tetapi maknanya luas dan mendalam.

Dalam al-Quran, Allah SWT berfirman, “Kerana itu, ingatlah kamu kepada-Ku nescaya aku ingat (pula) kepadamu dan bersyukurlah kepada-Ku dan janganlah kamu mengingkari nikmat-Ku.” (Surah al-Baqarah, ayat 52)

Allah SWT tidak pernah kedekut terhadap hamba-Nya, malah Dia memberi kesempatan kepada kita untuk mencari sebanyak mungkin rezekinya di bumi yang luas ini.

Allah SWT juga mengilhamkan kepada kita pelbagai cara untuk meraih kebahagiaan, antaranya, dengan meluangkan masa bersama keluarga.

Sudah tentu setiap orang mempunyai masalah keluarga yang tersendiri apatah lagi pada musim Covid-19. Berdasarkan pengalaman saudara terdekat penulis, masalahnya muncul kerana terdapat salah faham dan melibatkan buah mulut orang kampung khususnya dalam keluarga besar.

Hal ini menyebabkan dia dan ibunya tidak lagi bertegur sapa selama beberapa tahun tambahan lagi dia juga tidak tinggal di rumah kerana belajar dan tinggal di asrama.

Namun disebabkan Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan kita semua tidak boleh keluar rumah, menjadi satu masalah bagi dia untuk melakukan kerja rumah kerana memerlukan interaksi dengannya.

Saudara penulis bukan seorang yang mudah bergaul dalam memulakan bicara kerana personalitinya lebih kepada menunggu untuk disapa. Ada satu masa yang dia memang tidak suka iaitu pada bulan Ramadan kerana dia sekeluarga akan berbuka bersama.

Bermula Ramadan pertama dalam tempoh PKP sangat mencabar. Dari situlah dia mula berinteraksi dengan ibunya, dia mengatakan bahawa ingatannya masih segar dengan kejadian itu kerana perasaan yang dirasai ketika pertama kali dia bertegur sapa.

Degupan jantung terasa laju dan bahu terasa ringan seolah bebanan yang selama ini dipikulnya hilang hanya dengan perkataan ‘maaf’.

Katanya, pada waktu itu dia hanya mampu menahan air mata dari mengalir supaya tidak dikatakan sebagai cengeng.

Apabila mendengar ceritanya, penulis teringat akan kata-kata ini, “Menjadi bahagia bukan bererti semuanya sempurna. Itu bermakna kamu telah memutuskan untuk melihat melampaui ketidaksempurnaan.”



Sumber: internet

Selain meluangkan masa bersama keluarga, kita juga perlu meluangkan masa bersama rakan. Pasti setiap orang mempunyai rakan walaupun seorang.

Memandangkan rakan merupakan cerminan diri kita, carilah rakan yang boleh dipercayai dan hargailah mereka. Kita boleh bercerita dengan mereka untuk meringankan masalah dengan mendapat nasihat atau jalan penyelesaian.

Jadikanlah hubungan kita dan rakan umpama berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Jika berlaku sesuatu perkara yang menggembirakan perlu dikongsi bersama.

Begitu juga jika ada musibah atau ujian yang datang perlulah ditanggung bersama. Sama ada suka atau gembira, bersama menanggung beban, barulah kekal persahabatan yang terjalin.

Seterusnya merupakan perkara penting dalam mencari bahagia sebagai umat Islam iaitu berzikir dan membaca al-Quran. Tiada yang lebih menenangkan selain mengingati Allah melalui berzikir dan bacaan al-Quran.

Berzikir dan membaca ayat suci al-Quran merupakan ubat kepada jiwa kita yang mengisi kekosongannya. Mengadulah kepada Allah SWT walau apa masalah yang kita hadapi kerana Dia Maha Mendengar dan sebagai tanda kita sentiasa ingat kepada-Nya.

Walaupun jalan kehidupan kita mempunyai pelbagai liku, janganlah berputus asa dan sentiasa ingat bahawa Allah SWT bersama kita dalam apa jua keadaan kerana Dialah pemberi bahagia. Allah SWT tidak pernah menghampakan hamba-Nya walaupun kita sering melupakan-Nya. Sedarlah, apabila kebahagiaan ditarik, Dia ingin memberitahu agar kita sentiasa mengingati-Nya.